

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN [NIBONG TEBAL]

TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 31

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perancangan dan strategi pelaksanaan Kementerian untuk menambah pendapatan dan mempertingkatkan taraf sosioekonomi nelayan-nelayan pantai di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi menambah pendapatan dan meningkatkan taraf sosioekonomi nelayan-nelayan pantai di seluruh negara selain daripada hasil tangkapan ikan, Kementerian ini telah melaksanakan pelbagai strategi seperti berikut :

(i) Mempergiatkan Program myKomuniti Perikanan (myKP) yang menyatukan komuniti nelayan setempat untuk mengurus sumber tangkapan perikanan disamping memberi peluang kepada komuniti tersebut untuk meningkat pendapatan. Sebagai contoh, komuniti myKP di Sungai Sembilang, Selangor telah berjaya mengusahakan 4 projek ternakan kupang; di mana setiap satu projek berupaya menghasilkan satu tan kupang dengan nilai pasaran berjumlah RM6,000.

(ii) Membangunkan Kumpulan Nelayan Wanita (KUNITA) bertujuan untuk menggalakkan penglibatan isteri dan anak nelayan di dalam industri asas tani, pemprosesan berasaskan perikanan dan keusahawanan. Sebagai contoh, KUNITA Belawai, Sarawak yang mengusahakan restoran dan pemprosesan mee kuning bagi pasaran setempat telah berjaya menjana pendapatan sebanyak RM12,000 sebulan.

(iii) Memperkasakan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dan Kumpulan Belia Nelayan (KUBENA) melalui projek ekonomi seperti agro-pelancongan, perikanan rekreasi dan akuakultur. Sebagai contoh, PNK Rompin yang mengusahakan chalet penginapan dan kolam memancing berjaya menjana pendapatan sebanyak RM26,000 sebulan. Manakala KUBENA Besut telah mengusahakan ternakan dan asuhan benih ikan kerapu hibrid yang memberi pulangan sebanyak RM7,000 bagi setiap pusingan (3 bulan setiap pusingan).

SOALAN NO : 31

(iv) Meluaskan program pasar nelayan sedia ada dengan menambah 4 lagi kawasan bagi tahun 2019 iaitu di Puchong, Selangor; Sandakan, Sabah; Parit Simin, Johor dan Tumpat, Kelantan. Pasar nelayan ini merupakan platform yang disediakan oleh Kerajaan dalam memberikan peluang kepada nelayan untuk memasarkan hasil tangkapan secara terus kepada pelbagai peringkat pengguna. Sehingga tahun 2018, terdapat sebanyak 128 buah pasar nelayan yang telah dibina di seluruh negara.

(v) Meningkatkan taraf hidup nelayan dengan membaik pulih, membina rumah baharu dan mewujudkan penempatan semula dengan prasarana asas supaya golongan nelayan dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan selesa. Sehingga tahun 2019, sebanyak 3 projek penempatan semula dengan bilangan rumah sebanyak 630 buah rumah siap untuk diduduki, 19,900 buah rumah telah siap dibaik pulih dan 22 buah rumah siap dibina baharu. 7 lagi projek penempatan semula masih dalam pelaksanaan dengan bilangan rumah sebanyak 1,190 buah.

Bagi perancangan masa hadapan, Kementerian akan menilai semula keberkesanan program-program sedia ada dan seterusnya akan merangka program baru bagi memberi penekanan kepada program-program yang menambah pendapatan dan meningkatkan taraf sosioekonomi nelayan-nelayan pantai di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.